

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN "CLOSE-UP OF JAPAN, KUALA LUMPUR 1991"

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 24 APR 1991

MASA:

Yang Berhormat Dato Sabbaruddin Chik,
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;
Encik T Yahiro,
Pengerusi
Jawatankuasa Perhubungan Awam Kumpulan Mitsui;
Yang Berbahagia Datuk K Suzuki,
Pengaroh dan Pengurus Besar Mitsui
Cawangan Kuala Lumpur;
Dif-dif Kehormat;
Para hadirin sekalian,
Saya dan isteri saya amat gembira kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada malam ini untuk menyaksikan persembahan istimewa ini dari negara Jepun.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli Kumpulan Mitsui dan artis-artis dari negara Jepun ke Kuala Lumpur.

3. Saya difahamkan "The Close-Up of Japan" atau "Jepun dari Dekat" merupakan satu pesta Kebudayaan Jepun anjuran Kumpulan Mitsui yang diadakan setiap tahun di bandaraya terkenal di Amerika Syarikat dan Britain semenjak 1983. Ini adalah kali kedua pesta seperti ini diadakan di benua Asia dan saya merasa bangga Kuala Lumpur di pilih untuk persembahan istimewa ini.

4. Seperti yang diketahui, negara Jepun ialah sebuah negara yang maju dan berjaya daripada segi ekonomi, sains dan teknologi tinggi. Namun demikian, orang-orangnya tetap tidak membelakangkan kebudayaan mereka yang telah wujud semenjak beribu-ribu tahun dahulu. Sejajar dengan kedudukan Jepun sebagai kuasa besar selepas Perang Dunia Kedua, masyarakat antarabangsa telah mula berminat untuk mengenali kebudayaan Jepun. Kini restoran, gedung dan hotel Jepun boleh didapati di seluruh dunia termasuk di negara kita. Pelancong-pelancong Jepun juga didapati di merata-rata tempat di dunia kerana nilai matawang Yen yang begitu tinggi.

5. Semenjak Kerajaan melancarkan 'Dasar Pandang ke Timur', kebudayaan Jepun termasuk nilai hidup rakyatnya tidak asing lagi bagi kita. Ramai penuntut kita telah mendapat pelajaran tinggi dan latihan di Jepun. Apabila mereka

kembali ke tanahair, mereka bukan sahaja boleh bertutur dalam Bahasa Jepun, tetapi juga bekerja dengan syarikat-syarikat Jepun yang telah menapak di negara kita. Pembukaan kilang-kilang oleh para pelabur Jepun di negara ini telah menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada belia-belia kita. Kehadiran sebilangan besar masyarakat Jepun yang bekerja di negara kita untuk menguruskan kilang-kilang ini, bermakna pekerja-pekerja kita berpeluang mempelajari cara pengurusan dan teknologi tinggi negara Jepun. Di samping itu, rakyat Malaysia dapat berinteraksi dan bergaul dengan keluarga Jepun yang bermastautin di sini. Dengan cara ini, masyarakat Malaysia dan Jepun berpeluang bertukar-tukar pendapat dan mengenal dari dekat adat resam dan kebudayaan masing-masing dan mempelajari daripada satu sama lain.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Kini kaum wanita Malaysia pandai mengatur dan mengubah bunga mengikut cara "ikebana", melipat kertas cara "origami", gemar dengan makanan Jepun dan suka mengikuti siri Jepun di televisyen seperti "Oshin" dan membeli-belah di gedung-gedung pakaian seperti Yaohan dan Isetan. Kaum lelaki pula gemar mengguna kereta buatan Jepun, suka melihat "Sumo wrestling" dan siri televisyen seperti "Shogun" dan filem-filem yang mengandungi cerita "ninja" dan "samurai". Pemuda kita pula suka menunggang motosikal besar buatan "Yamaha" atau "Suzuki" sementara pemudi kita suka mengikuti fesyen pakaian dari Jepun. Ini semua menunjukkan bahawa barang-barang buatan Jepun telah mendapat tempat di masyarakat Malaysia.

7. Sebagai jiran yang tidak jauh, Malaysia dan Jepun sering bertukar kumpulan kebudayaan untuk memperkenalkan budaya masing-masing. Pada malam ini, daripada aturcara yang di sediakan, kita berpeluang melihat persembahan tradisional dan moden daripada kumpulan yang di datangkan khas dari Jepun. Saya percaya penonton sekalian akan terhibur dengan persembahan artis-artis dari negara Jepun ini. Saya harap pesta kebudayaan "Close-Up of Japan" ini akan mendekatkan lagi kebudayaan Jepun kepada masyarakat Malaysia dan menyumbang ke arah meningkatkan persefahaman di antara rakyat Jepun dengan Malaysia serta merapatkan hubungan baik di antara negara Jepun dengan Malaysia. Semoga hasrat dan usaha baik pengelola dan penganjur pesta ini mencapai kejayaan seperti yang diharapkan.

8. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan pesta "Close-Up of Japan, Kuala Lumpur 1991" dengan rasminya.